

BIL 2 2024



BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

01

Akademik

3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEX 2023	02
Kunjungan Dekan FSG	05
Bengkel Kurikulum Program Baru	06
Inovasi Keusahawanan	07
Road to SPM: SMKTAT	12

Stem

Karnival Kimia Malaysia	13
Sains ke Desa	14
Explorace PHY145	16
Karnival STEM Pulau Pinang	18
Bridge Challenge	20
STEAM Challenge	22

Aktiviti

Fotografi Merdeka	24
Gotong-royong 5S JSG	26
Free Market 6.0	28

Riadah

Ping Pong Piala TRHEA	29
Ping Pong Bersama Perodua	30
Santai-santai Petanque	31

GOTONG-ROYONG 5S JSG

Ainnie Rahayu & Nurul Izza

14 Ogos 2023 - Unit 5S dan Keceriaan JSG, yang diketuai oleh Puan Rahimah, telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan keberkesanan operasi dan keceriaan di tempat kerja melalui pelaksanaan amalan 5S. Satu aktiviti gotong-royong telah diadakan dengan penyertaan sepuluh orang staf. Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk mencipta suasana kerja yang ceria dan teratur, sambil mengeratkan hubungan di kalangan staf JSG.



Salah satu fokus utama aktiviti adalah pemindahan dan penyusunan semula peralatan aktiviti pameran, terutamanya dari pejabat jabatan ke bilik khas barang pameran dan stor. Tindakan ini tidak hanya meningkatkan keberkesanan ruang pejabat, tetapi juga menyediakan ruang yang lebih teratur.

Turut dijalankan ialah pengumpulan bahan-bahan tidak terpakai seperti kertas dan buku-buku lama. Bahan-bahan ini kemudian dihantar ke pusat pengumpulan kitar semula berdekatan sebagai langkah kecil dalam menyokong kelestarian alam sekitar.

Aktiviti ini telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan hasilnya sangat memberangsangkan. Ruang pejabat jabatan kini tidak hanya lebih kemas dan teratur, tetapi juga lebih ceria, mencipta suasana yang menyenangkan untuk bekerja.



Antara rancangan akan datang adalah untuk meneruskan aktiviti 5S secara berkala dan memastikan kebersihan dan kekemasan dikekalkan. Ini diharapkan dapat membina budaya kerja yang teratur dan bersih di kalangan staf JSG. Oleh itu, Unit 5S dan Keceriaan JSG berharap agar semua kakitangan untuk terlibat secara aktif dalam memelihara budaya 5S di tempat kerja.

Salam 5S!

